



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tel.: 03-8000 8000
Faks: 03-8889 5542
Email: anhisam@moh.gov.my

Rujukan kami : KKM.600-29/4/146 Jld. 10 (48)

Tarikh : 17 Februari 2021

SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato' Indera/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
BIL. 3/2021**

STRATEGI BAGI MELANDAikan KELUK PANDEMIK COVID-19

1. TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan strategi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi melandaikan keluk pandemik COVID-19.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Susulan Proklamasi Darurat yang telah diisytiharkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah pada 11 Januari 2021, KKM telah diarahkan untuk mempertingkatkan aktiviti kawalan dan pencegahan bagi melandaikan keluk pandemik COVID-19 di Malaysia. Proklamasi ini berkuatkuasa mulai 11 Januari 2021 hingga 1 Ogos 2021.
- 2.2 Semua agensi Kerajaan perlu mencapai matlamat ini dalam tempoh kurang daripada enam (6) bulan dengan menggunakan semua sumber-sumber di semua agensi atau

sumber dari luar melalui Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 2021 yang diperuntukkan oleh Kerajaan.

2.3 Bagi tujuan tersebut, KKM telah menyediakan “Pelan Strategik Kementerian Kesihatan Malaysia bagi Menangani Pandemik COVID-19 Semasa Tempoh Darurat”. Pelan ini menggariskan lima (5) strategi utama dalam melandaikan keluk COVID-19 iaitu;

- i. **Memutuskan rantai transmisi** dengan menurunkan kes harian kepada kurang daripada 500 kes sehari dan mengurangkan kes sporadik;
- ii. **Mengurangkan morbiditi dan mortaliti** dengan mengelakkan kes kematian di kalangan golongan berisiko tinggi dan memastikan semua perkhidmatan kesihatan berjalan dengan lancar;
- iii. **Memperkuhkan diagnostik dan surveilans COVID-19** dengan mempertingkatkan keupayaan untuk menjalankan aktiviti pencegahan dan kawalan COVID-19 mengikut ketetapan garis panduan;
- iv. **Mencapai imuniti kelompok** melalui pemberian vaksin kepada 70% penduduk di Malaysia; dan
- v. **Meningkatkan kesedaran orang awam dengan pembudayaan normal baharu** dan pematuhan SOP serta memulihkan keyakinan dan kepercayaan rakyat terhadap Kerajaan.

2.4 Sehubungan itu, KKM perlu mempertingkatkan aktiviti pengesanan kes dan kontak bagi mengelakkan penularan berterusan di dalam komuniti dan seterusnya melandaikan keluk pandemik COVID-19 di Malaysia. Selain itu, saringan kumpulan berisiko tinggi perlu dipergiatkan bagi mengurangkan risiko komplikasi jangkitan COVID-19 kepada golongan ini dan seterusnya mengurangkan kadar kematian negara.

3. MENINGKATKAN AKTIVITI SARINGAN BAGI PENGESANAN KES COVID-19 SECARA BERKESAN

- 3.1 Bagi meningkatkan aktiviti saringan dalam pengesanan kes, kapasiti makmal bagi ujian RT-PCR telah dipertingkatkan sehingga mampu memproses 76,805 ujian sampel sehari dengan penyumberan luar makmal swasta, di samping makmal-makmal kesihatan awam, universiti, hospital Kerajaan dan klinik kesihatan. Manakala ujian saringan COVID-19 menggunakan *rapid test kit antigen* (RTK-Ag) dilakukan di fasiliti kesihatan Kerajaan dan swasta serta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (KPJKS) yang berdaftar atau berlesen di bawah Akta Kemudahan Dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586].
- 3.2 Salah satu strategi dalam melandaikan keluk pandemik COVID-19 adalah dengan pengesanan dan pengasingan kes dalam tempoh yang ditetapkan bagi mengelakkan penularan jangkitan dalam komuniti.
- 3.3 Saringan COVID-19 kepada kes *influenza-like-illness* (ILI) dan *severe acute respiratory illness* (SARI) hendaklah diperluaskan dengan menggunakan RTK-Ag. Sekiranya ujian RTK-Ag positif, fasiliti kesihatan dikehendaki:
- i. maklumkan keputusan ujian kepada kes;
 - ii. mengambil sampel untuk menjalankan ujian RT-PCR, kecuali bagi lokaliti yang telah disahkan prevalen kes COVID-19 melebihi 10% (rujuk Lampiran 1);
 - iii. menguruskan kes positif COVID-19 RTK-Ag ini mengikut Garis Panduan Pengurusan COVID-19 di Malaysia yang terkini dan Garis Panduan *Clinical Protocol at Primary Care for Category 1 and Category 2 COVID-19 Positive Cases*;
 - iv. mengeluarkan dan menyerahkan surat perintah pengawasan dan pemerhatian di rumah (*Home*

Surveillance Order, HSO) kepada kes untuk menjalani pengasingan selama 10 hari oleh pegawai diberi kuasa di bawah Akta 342;

- v. menyerahkan senarai semak gejala jangkitan COVID-19;
- vi. memakaikan gelang tangan pengawasan;
- vii. memastikan kes memuat turun, mendaftar dan mengaktifkan aplikasi MySejahtera bagi memantau kesihatan diri dan mendapatkan maklumat terkini COVID-19;
- viii. mendapatkan nombor telefon dan alamat penuh tempat kediaman kes bagi memudahkan tindakan susulan dijalankan;
- ix. menasihatkan kes RTK-Ag positif yang sedang menunggu keputusan ujian pengesahan RT-PCR di rumah agar sentiasa berada di kediaman, memantau kesihatan sendiri dan mematuhi prosedur pengasingan diri sehingga dihubungi oleh pihak kesihatan;
- x. memaklumkan kes untuk segera ke klinik kesihatan untuk rawatan lanjut sekiranya gejala bertambah teruk semasa menunggu keputusan RT-PCR; dan
- xi. melaporkan kes kepada pejabat kesihatan daerah menggunakan Borang Notis: Rev/2010.

3.4 Pengesanan jangkitan COVID-19 juga perlu dijalankan oleh fasiliti kesihatan Kerajaan ke atas kumpulan dan komuniti berisiko mendapat jangkitan yang bergejala COVID-19. Kumpulan ini termasuk petugas kesihatan, pesakit dengan penyakit kronik, pesakit dengan sistem imuniti rendah, warga emas berumur 60 tahun dan ke atas, Orang Asli, penghuni warga emas rumah kebajikan dan lain-lain.

4. PENGURUSAN KES DAN KONTAK RAPAT

4.1 Semua kes yang telah disahkan positif COVID-19 hendaklah segera disiasat bagi memastikan kes diasingkan daripada ahli rumah dan rakan sekerja; sama ada dimasukkan ke

hospital/Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) atau pengasingan di tempat kediaman. Ini bagi mengelakkan penularan jangkitan kepada kontak rapat. Pengurusan kes positif COVID-19 hendaklah dilakukan menggunakan Garis Panduan Pengurusan COVID-19 di Malaysia yang terkini.

- 4.2 Semua kontak rapat hendaklah dikenal pasti dan diarahkan untuk menjalani pengasingan dan pemerhatian di rumah (HSO). Ujian pengesanan COVID-19 hendaklah dilaksanakan ke atas kontak rapat kes positif COVID-19. Pengambilan sampel kontak rapat boleh diberi keutamaan kepada kontak rapat yang bergejala atau daripada kumpulan berisiko tinggi. Ujian pengesanan COVID-19 boleh menggunakan RT-PCR ataupun RTK-Ag, mengikut situasi seperti berikut:
 - i. mengambil sampel untuk ujian RT-PCR bagi semua kontak rapat yang dikenal pasti sekiranya mempunyai kapasiti yang mencukupi di lapangan; dan
 - ii. bagi lokaliti yang telah disahkan prevalen kes COVID-19 melebihi 10%, ujian RTK-Ag tersebut boleh digunakan sebagai ujian pengesanan tanpa perlu mengulangnya dengan ujian RT-PCR. **Namun begitu, penggunaan RTK-Ag sebagai ujian pengesanan hendaklah mendapat persetujuan jabatan kesihatan negeri dan dimaklumkan kepada CPRC Kebangsaan bagi pelaporan kes.**
- 4.3 Sampel kedua pada hari kelapan (8) HSO hendaklah diambil daripada kontak rapat kes positif COVID-19.
- 4.4 Kontak rapat dalam institusi tahanan seperti penjara dan depot tahanan Imigresen (DTI) hendaklah dikuarantin secara *cohorting* di dalam institusi tersebut. Pengurusan kluster dalam institusi ini hendaklah berdasarkan Garis Panduan Pengurusan COVID-19 di Malaysia yang terkini - Annex 27a: Tindakan Pencegahan, Kawalan Infeksi dan Penggunaan

Personal Protective Equipment (PPE) di Fasiliti Tahanan dan Rumah Perlindungan.

- 4.5 Kluster yang melibatkan tempat penginapan pekerja, penilaian klinikal dan risiko hendaklah dijalankan bagi menentukan kesesuaian penempatan kuarantin untuk melaksanakan aktiviti pengawasan dan pemerhatian selama tempoh yang ditetapkan.
- 4.6 Pengambilan sampel, kuarantin dan pemberian HSO bagi kes-kes yang melibatkan kluster di tempat kerja perlu diurus berdasarkan kepada:
 - i. Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (No. 9) 2021 [*P.U.(A). 400/2021*];
 - ii. Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Layanan Perubatan dan Penyaraan Orang yang Dipindahkan ke Stesen Kuarantin) (No. 2) (Pindaan) 2020 [*P.U.(A) 402/2020*]; dan
 - iii. Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Fi bagi Ujian Pengesanan Penyakit Koronavirus 2019) (COVID-19) (Pindaan) (No. 2) 2020 [*P.U.(A) 401/2020*].
- 4.7 Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) Bil. 61/2020 pada 21 Disember 2020 telah memutuskan bahawa majikan telah dipertanggungjawabkan untuk memastikan saringan COVID-19 dilaksanakan ke atas semua pekerja. Semasa tempoh menunggu keputusan ujian makmal ini, majikan hendaklah memastikan pekerja tersebut menjalani kuarantin sendiri. Ini kerana prevalen COVID-19 yang tinggi dalam kalangan pekerja yang boleh menyebabkan risiko penularan jangkitan di tempat kerja.

4.8 Majikan hendaklah diingatkan untuk selalu mematuhi *standard operating procedure* (SOP) yang dikeluarkan oleh KKM atau agensi-agensinya yang berkaitan. Ini termasuklah menjalankan saringan gejala dan memastikan tiada pekerja positif COVID-19 hadir di tempat kerja. Kegagalan majikan dan pekerja positif untuk mematuhi arahan dan SOP yang dikeluarkan oleh pegawai diberikuasa adalah satu pelanggaran di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] dan boleh diambil tindakan undang-undang.

5. DOKUMEN RUJUKAN

5.1 Maklumat terperinci mengenai pengurusan kes COVID-19 yang terkini boleh diperolehi dalam Garis Panduan Pengurusan COVID-19 di Malaysia melalui portal rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia <https://www.moh.gov.my/>.

6. TARIKH BERKUATKUASA

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai dari tarikh surat ini.

Dengan Surat Pekeliling baharu ini, arahan mengenai “Perkara 4: Pengurusan Kluster COVID-19 Dan Kontak Rapat” yang terkandung dalam Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil. 2/2021 bertarikh 13 Januari 2021 adalah terbatal.

7. PERTANYAAN

7.1 Pihak YBhg. Datuk / Dato' Indera / Dato' / Datin / tuan / puan dikehendaki mengaktifkan dan menghebahkan kepada orang awam talian *hotline* bagi menguruskan pertanyaan dan aduan berkaitan pengurusan kes positif COVID-19 di rumah.

7.2 Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berkaitan dengan surat pekeliling ini, sila kemukakan kepada:

Pengarah Kawalan Penyakit
Aras 3, Blok E10, Parcel E, Presint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590, Putrajaya.

No. Telefon : 03 – 8883 4118 / 4119

No. Faks : 03 – 8881 0400 / 0500

8. PENUTUP


YBhg. Datuk / Dato' Indera / Dato' / Datin / Tuan / Puan adalah bertanggungjawab untuk memastikan pekeliling ini dihebahkan dan dipatuhi. Komitmen semua petugas kesihatan dalam mencegah dan mengawal penularan jangkitan COVID-19 amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH)

s.k Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

Setiausaha Sulit Kanan Kepada Menteri Kesihatan
Pejabat Menteri Kesihatan Malaysia

SENARAI EDARAN

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
(Penyelidikan & Sokongan Teknikal)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah
Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah
Bahagian Amalan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah
Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah
Bahagian Pendidikan Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah
Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan
Sungai Buloh

Pengarah
Hospital Kuala Lumpur
Jalan Pahang
50586 Kuala Lumpur

Pengarah
Institut Penyelidikan Perubatan

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis
Tingkat 8, Bangunan Persekutuan
Persiaran Jubli Emas,
01000 Kangar, Perlis

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah
Jalan Sultanah,
05350 Alor Star, Kedah

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang
Tingkat 37, Komtar,
10590 Pulau Pinang

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perak
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30590 Ipoh, Perak

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor
Tingkat 9,10 & 11 Wisma Sunwaymas
Lot 1 Jalan Persiaran Kayangan
40100 Shah Alam, Selangor

Pengarah Kesihatan
Jabatan Kesihatan WP Kuala Lumpur & Putrajaya
Kompleks Pejabat-pejabat Kesihatan
Jalan Cenderasari,
50490 Kuala Lumpur

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan
Jalan Lee Sam,
75090 Seremban, Negeri Sembilan

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka
Tingkat 6, Wisma Persekutuan
Jalan Hang Tuah,
75300 Melaka

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Johor
Tingkat 4, Blok B , Wisma Persekutuan
Jalan Air Molek,
80590 Johor Bharu, Johor

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang
Tingkat 12, Wisma Persekutuan
Jalan Gambut,
25000 Kuantan, Pahang

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu
Tingkat 5, Wisma Persekutuan
Jalan Sultan Ismail

29200 Kuala Terengganu, Terengganu

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan
Tingkat 5, Wisma Persekutuan
Jalan Bayam,
15590 Kota Bahru, Kelantan

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak
Jalan Tun Abang Hj. Openg
93590 Kuching, Sarawak

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah
Tingkat 1, Rumah Persekutuan
Peti Surat No. 11290
88814 Kota Kinabalu, Sabah

Pengarah Kesihatan
Jabatan Kesihatan WP Labuan
WDT No.51,
87000 Labuan, Sabah

Ketua Setiausaha
Kementerian Pengajian Tinggi
Blok E3, Kompleks E
62505 Putrajaya

Ketua Pengarah
Perkhidmatan Kesihatan Angkatan Tentera Malaysia
Kementerian Pertahanan Malaysia
Tingkat 12, Menara Mega Arena II
Jalan Yap Kwan Seng
50450 Kuala Lumpur

Pengarah
Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM)
59100 WP Kuala Lumpur

Pengarah

Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM)
Jalan Ya'acob Latif, Bandar Tun Razak,
56000 Cheras, WP Kuala Lumpur

Pengarah

Kampus Kesihatan Universiti Sains Malaysia
16150 Kubang Kerian, Kelantan


Pengarah

Hospital Pengajar
Universiti Putra Malaysia
Persiaran Mardi - UPM
43400 Serdang, Selangor

Pengarah

Hospital UiTM Sungai Buloh
Jalan Hospital
47000 Sungai Buloh, Selangor

CARTA ALIR BAGI PENGGUNAAN UJIAN RAPID ANTIGEN KIT SAR-CoV-2 (RTK-Ag) SEBAGAI UJIAN PENGESAHAN KES COVID-19



*For PCR test: use either the buffer of the RTK Ag OR another swab should be taken (at least 2 hours apart).

RTK-Ag as confirmatory testing:

- Specific cluster/cohort with prevalence $\geq 10\%$
- For new cluster with high positivity rate, suggest to do the concordance study using RTK Ag.
- RTK Ag can be used as confirmatory test when the concordance study shows high PPV, high specificity and high agreement with RT PCR.

References for RTK Antigen

- (1) <https://www.cdc.gov/coronavirus/2019-ncov/lab/resources/antigen-tests-guidelines.html> : CDC Interim Guidance for Antigen Testing for SARS-CoV-2, 16th December 2020